

26 JUN 1998

Mahathir-Teknologi

DR MAHATHIR GEMBIRA DENGAN PENCAPAIAN MTDC

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau berpuas hati dengan pencapaian Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dengan kebanyakan produknya telah diterima di seluruh dunia.

"Mereka telah melakukannya dengan baik dan saya rasa gembira. Nampak banyak produk," katanya kepada pemberita selepas melawat MTDC di sini.

Dr Mahathir berkata terdapat kemajuan dalam usaha yang diambil oleh MTDC dan syarikat-syarikatnya.

Beliau berkata ciptaan syarikat-syarikat itu adalah canggih dan mendapat sambutan daripada syarikat canggih lain di dunia.

Katanya kejayaan ini adalah hasil daripada pemindahan teknologi daripada syarikat-syarikat asing.

Apabila ditanya jika belanjawan tambahan sebanyak RM7 bilion yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu lepas akan digunakan untuk memperbanyakkan lagi penyelidikan dan pembangunan, Perdana Menteri berkata: " Ia tidak berkaitan dengan ini. Itu anda kena tanya beliau (Anwar)."

Mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa cadangan yang dikemukakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk memulihkan ekonomi sebenarnya memburukkan lagi ekonomi negara, Perdana Menteri berkata: " Saya sudah pun menjawab soalan ini berulang-ulang kali."

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

--BERNAMA

ES NAK